



**KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA**

BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN

GARIS PANDUAN KEPERLUAN LATIHAN LANJUTAN KESELAMATAN MAKANAN (*ADVANCED FOOD SAFETY TRAINING*) BAGI TENAGA PENGAJAR LATIHAN PENGENDALI MAKANAN

**VERSI 1.0
JANUARI 2022**

ISI KANDUNGAN

1.0	Pengenalan	3
2.0	Objektif	3
3.0	Skop	3
4.0	Definisi	3-4
5.0	Kaedah Pelaksanaan Advanced Food Safety Training	4-5
6.0	Dokumen Pengesahan Latihan Yang Dihadiri	5
	Rujukan	5

1.0 PENGENALAN

Menghadiri *Advanced Food Safety Training* adalah merupakan salah satu syarat bagi pembaharuan pengiktirafan tenaga pengajar latihan pengendali makanan.

Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan *Advanced Food Safety Training* bagi tenaga pengajar latihan pengendali makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2.0 OBJEKTIF

- Memastikan tenaga pengajar mendapat pengetahuan keselamatan dan kualiti makanan yang terkini selaras dengan perkembangan sains dan teknologi makanan.
- Tenaga pengajar dapat memperkukuhkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang sains dan teknologi makanan.
- Memberi nilai tambah kepada tenaga pengajar untuk melaksanakan penyampaian latihan pengendali makanan secara lebih berintegrasi dan berkualiti.

3.0 SKOP

Tenaga pengajar yang ingin memperbaharui pengiktirafan tenaga pengajar daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

4.0 DEFINISI

Bagi tujuan garis panduan ini, terminologi di bawah membawa maksud seperti berikut:

4.1 IFSTC, Malaysia

International Food Safety Training di bawah Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia yang menganjurkan kursus/latihan berkaitan keselamatan dan kualiti makanan

4.2 Program Jaminan Keselamatan Makanan

Satu sistem kawalan keselamatan makanan yang terancang dan didokumenkan untuk menghasilkan makanan yang selamat dan berkualiti. Contoh *Hazard Analysis Critical Control Points* (HACCP),

Good Manufacturing Practice (GMP) dan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI).

4.3 Tenaga Pengajar

Individu yang telah mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai tenaga pengajar latihan pengendali makanan.

5.0 KAEDAH PELAKSANAAN *ADVANCED FOOD SAFETY TRAINING*

Tenaga pengajar perlu merancang dan menghadiri latihan bagi memenuhi keperluan *advanced food safety training* berdasarkan kepada keperluan berikut:

5.1 Bidang latihan

Tenaga pengajar perlu menjalani latihan **setiap bidang** berikut:

- Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM)
- Sains dan Teknologi Makanan

Nota:

Latihan dalam bidang sains dan teknologi makanan adalah seperti aditif makanan, mikrobiologi makanan, toksikologi makanan, keselamatan dan kebersihan makanan, pencemaran makanan, kebolehesanan makanan, teknologi pemprosesan makanan (e.g.pengawetan, pengetinan, sejukbeku), perundangan makanan, pelabelan makanan dan lain-lain bidang berkaitan keselamatan makanan.

5.2 Bentuk / jenis latihan

Tenaga pengajar boleh menjalani latihan dalam salah satu bentuk / jenis latihan seperti berikut:

- seminar / forum / konvensyen / simposium / kursus / latihan / ceramah, webinar dan lain-lain.

5.3 Tempoh latihan

Tenaga pengajar hendaklah menjalani latihan **sekurang-kurangnya 24 jam** bagi setiap tempoh tiga (3) tahun pengiktirafan seperti berikut:

- Kursus PJKM – minimum 8 jam ; dan
- Kursus Sains dan Teknologi Makanan - minimum 16 jam
- Latihan yang dihadiri mestilah merangkumi topik latihan yang berbeza

5.3 Bilangan latihan

Bilangan latihan yang perlu dihadiri adalah bergantung kepada tempoh masa latihan yang dihadiri.

5.4 Penganjur latihan

Tenaga pengajar boleh menjalani latihan yang dianjurkan oleh mana-mana pihak/agensi luar (dalam / luar negara) dan **diwajibkan sekurang-kurangnya satu latihan** adalah dianjurkan oleh IFSTC atau Kementerian Kesihatan Malaysia.

6.0 Dokumen pengesahan latihan yang dihadiri

Tenaga pengajar perlu mengemukakan dokumen berikut bagi mengesahkan kehadiran latihan:

- Program Latihan/Modul Latihan/Agenda/Aturcara program; dan
- Sijil latihan

RUJUKAN

1. Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam
2. Garis Panduan Tuntutan Mata Kredit CPD
3. Dasar dan Garis Panduan *Advanced Competency Programme* Kementerian Kesihatan
4. Panduan Buku Log Latihan KKM